

COD DALAM JUAL BELI ONLINE HUKUM PENANGGUHAN PEMBAYARAN SEHINGGA PENYERAHAN BARANG ANALISIS BERDASARKAN KITAB RADD AL-MUKHTAR

MOHD ROFAIZAL IBHRAIM

Jabatan Syariah, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa
Selangor (KUIS)

E-mel:mohdrofaizal@kuis.edu.my

ABSTRAK

khiyar al-ru'yah merupakan salah satu prinsip pilihan dalam sistem perundangan Islam yang tidak memerlukan pembeli menyatakannya semasa sesuatu perjanjian kontrak dimasuki. Hak memilih tersebut telah diperuntukkan di bawah undang-undang Islam terhadap kontrak yang melibatkan penangguhan penyerahan subjek kontrak semasa perjanjian kontrak dibentuk. Khiyar al-rukyah merupakan satu bentuk khiyar yang melindungi pengguna atau pembeli dari dimanipulasi oleh penjual terutamanya dalam jualan secara on-line. Mazhab hanafi merupakan salah satu mazhab yang mengharuskan khiyar al-rukyah berbanding mazhab mazhab syafie. Dalam mazhab Hanafi penjualan barangan yang tidak pernah dilihat oleh kedua pihak (penjual dan pembeli) adalah harus sekiranya penjual menunjuk kepada barang atau tempat keberadaan barang dan memberikan hak khiyar al-ru'yah kepada pembeli. Sekiranya barang tersebut tiada dalam majlis akad maka perlu dijelaskan kadar dan ciri barang yang boleh menghilangkan jahalah fahsyah. Adapaun jahalah yasirah tidak menghalang keabsahan akad kerana boleh dihilangkan dengan khiyar al-rukyah. Khiyar al-ru'yah menghalang kesempurnaan hukum jual beli dan menyebabkan akad tergantung sehingga mendapat persetujuan dari pembeli setelah barang dihantar dan dilihat oleh pembeli. Perbincangan khiyar al-rukyah dalam kitab radd al-mukhtar melibatkan jual beli barangan yang ghaib iaitu barangan yang tidak diperlihatkan sepenuhnya kepada pembeli. Bai' 'ain ghaib ialah penjualan barangan yang telah dikenalpasti namun tidak diperlihatkan kepada pembeli atau pembeli tidak boleh melihat barang tersebut disebabkan berada di tempat lain, dibungkus dan sebagainya. Pelunasan bayaran dalam bai al-ghaib boleh dilakukan secara tunai atau bertangguh ke suatu tempoh.

Kata Kunci: *bai' al-ghaib, online, khiyar, al-rukyah, COD*

PENDAHULUAN

Dengan memanfaatkan teknologi hari ini, transaksi perdagangan/jual beli menjadi mudah dan efisien. Jual beli secara atas talian merupakan sebahagian elemen industri E-Dagang (Ecommerce) yang melibatkan urus niaga jual-beli runcit dan komersil dan merupakan industri yang paling pesat berkembang di Malaysia dan seluruh dunia dan menjadi platform yang sangat penting dalam perniagaan di Malaysia¹. E-dagang ialah sebagai suatu proses pembelian, penjualan, pertukaran atau pemindahan produk, perkhidmatan atau maklumat melalui jaringan kumpulan termasuklah internet². Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengunjurkan transaksi E-Dagang di Malaysia mencatatkan pendapatan mencecah RM 450 bilion pada tahun 2017 dan jumlah ini diunjurkan terus meningkat sebanyak 6% setahun untuk tahun-tahun mendatang. Nama-nama platform seperti

¹ Hasnah Mat, & Mazreha Ya'akub (2019). E-commerce: The Contribution to Malaysia's Economy. Retrieved from https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/7_Publication/Technical_Paper/Paper_APES/2019/2.%20ECommerce%20The%20Contribution%20To%20The%20Malaysia's%20Economy.pdf

² <https://sitinorhanani.wordpress.com/2018/10/18/kedudukan-ijab-dan-qabul-di-dalam-aqad-jual-beli-secara-atas-talian/> diakses pada 3/8/2022

Shopee, Lazada, Lelong, Zalora, GoShop, PG Mall, eBay, Ezbuy, Hermo dan Sephora merupakan pemain utama E-Dagang swasta di Malaysia yang khusus menyediakan urusan jual beli runcit secara atas talian. Kewujudan platform komunikasi moden telah mengubah landskap transaksi perdagangan dengan menyaksikan pihak-pihak yang melakukan jual beli boleh berinteraksi tanpa perlu bersemuka secara fizikal. Namun akad jual beli melalui platform atas talian tidak berbeza dengan akad jual-beli yang biasa dipraktikkan iaitu suatu perjanjian yang dipersetujui antara penjual dan pembeli. Akad jual beli dalam talian dilihat menepati kaedah akad bertulis³. Produk yang dipamerkan secara elektronik adalah sama sebagaimana produk yang dipamerkan di kedai-kedai dengan penjual mempamerkan produk yang dijual di atas rak dan pembeli mempunyai ruang untuk melihat seterusnya memilih produk tersebut. Terdapat juga situasi dimana subjek akad atau barang jualan tidak diperlihatkan kepada pembeli secara langsung walaupun berlaku pertemuan antara penjual dan pembeli secara atas talian. Barang jualan ada bersama penjual namun pembeli tidak mendapat akses sepenuhnya kepada barang yang dijual. Jual beli secara atas talian yang tidak dipamerkan subjek akad atau penjual hanya menunjukkan contoh barang sahaja semasa majlis kontrak berlangsung mencetuskan isu *bai' al-dayn bi al-dayn* apabila pembeli membuat pembayaran hanya setelah barang jualan sampai ke tangannya atau secara COD.⁴

Isu *bai' al-dayn bi al-dayn* di sini ialah jika akad jual beli telah pun diandaikan berlaku secara atas sebelum terjadi pengiriman barang kerana pada saat terjadi akad jual beli secara atas talian tersebut, pihak penjual dan pembeli sama-sama berhutang. Transaksi jual beli secara atas talian yang melibatkan barangan yang telah dikenalpasti dan berada dalam milik penjual yang tidak diperlihatkan kepada pembeli dikenali sebagai *bai' 'ain ghaibah* sebagaimana yang ditemui melalui pembacaan dari kitab-kitab ulamak terdahulu. Ulamak yang mengharuskan *bai' 'ain ghaibah* membenarkan pembeli untuk membuat pilihan samada meneruskan atau membatalkan pembelian setelah melihat barangan yang dibeli melalui *khiyar al-rukyah*. Mazhab syafie' tidak mengharuskan *bai' 'ain ghaibah* dan secara tidak langsung menafikan wujudnya *khiyar al-rukyah*. Selain itu isu penjualan barangan yang tertangguh penyerahan barangan dan bayaran juga terkait dengan masalah jual hutang dengan hutang atau *bai' al-kali' bi al-kali'*⁵.

TUJUAN DAN MANFAAT ANALISIS

Berdasarkan permasalahan dan isu jual beli secara COD sebagaimana yang dijelaskan oleh penulis, tujuan dan manfaat analisis ini ialah untuk;

1. Mengetahui ciri-ciri persamaan antara jual beli secara COD dan *khiyr al-rukyah* dari kitab *durr al-mukhtar*.
2. Menganalisis kandungan kitab *durr al-mukhtar* dalam masalah *khiyar al-rukyah* untuk menentukan status hukum jual beli yang ditangguhkan penyerahan dan bayaran.

³ Roshaimizam Suhaimi, Ismail Ahmad, Mohd Hapiz Mahaiyadin, Ezani Yaakub & Jasni Sulong. Akad Jual Beli dalam Talian Berasaskan Prinsip Fiqh Muamalat Contract of Sale and Purchase via Online from Fiqh Muamalat Principles, Journal of Contemporary Islamic Law, (2021) Vol. 6(2): 1-11 e-ISSN: 0127-788X URL: <http://www.ukm.my/jcil>

⁴ <https://kumparan.com/sitinurbasmah/cod-dalam-pandangan-islam-1wxcwFn5QQ7/4>
<https://www.tintasiyasi.com/2020/06/hukum-cod-cash-on-delivery.html>

⁵ <https://kumparan.com/sitinurbasmah/cod-dalam-pandangan-islam-1wxcwFn5QQ7/4>

3. Mengenalpasti kedudukan akad jual beli barangan yang tertentu (*specified subject*) secara atas talian dan bayaran dilunaskan setelah barang diterima oleh pembeli.

Penelitian dan analisis ini diharapkan dapat menyumbang kepada penemuan idea-idea baru dalam muamalat.

CASH ON DELIVERY (COD) & BAI' 'AIN GHAIBAH

COD merupakan singkatan dari *Cash on Delivery*. Dalam sistem COD pembeli melakukan pembayaran saat mereka menerima produk yang dibeli. Pada mulanya, sistem pembayaran ini berlaku apabila penjual berjanji untuk bertemu dengan pembeli dan sererusnya melakukan transaksi. Dalam sistem pembayaran COD pada *marketplace*, pembeli tidak membayar secara langsung kepada penjual, melainkan melalui perantara kurir atau pengiriman yang mengirimkan barang pesanan atau melalui pemindahan wang. Barang yang dijual dengan sistem COD ialah barangan yang dijual secara atas talian@*online*.⁶ Transaksi pembelian barang secara COD melibatkan pengangkutan penyerahan barangan dan bayaran.

Bai' 'ain ghaibah ialah transaksi pembelian dan penjualan barangan yang telah dikenalpasti yang berada dalam milik penjual. Al-ghaib merujuk kepada sifat barangan tersebut yang tidak diperlihatkan sepenuhnya kepada pembeli sewaktu berlakunya transaksi atau sebahagiannya sahaja seperti kain yang berlipat⁷. *Bai' 'ain ghaibah* juga dikaitkan dengan penangguhan penyerahan barangan setelah berlakunya akad jual-beli yang mengikat penjual dan pembeli. Oleh yang demikian hanya barangan yang tidak disyaratkan penyerahan segera (barangan atau pembayaran) sahaja yang dibenarkan dalam transaksi *bai' 'ain ghaibah*. Transaksi barangan yang disyaratkan penyerahan harga dan barang dalam majlis akad tidak dibenarkan untuk dilakukan penjualan secara penangguhan. Barangan yang dimaksudkan ialah barangan ribawi seperti emas dan perak. Dalam transaksi yang melibatkan pertukaran antara item-item ribawi seperti pertukaran antara emas dan perak, matawang dan emas, makanan dan makan maka penangguhan bayaran dan penyerahan harga tidak diharuskan. Penyerahan hendaklah berlaku segera samada transaksi berlaku secara atas talian atau secara fizikal.

Bai' 'ain ghaibah ialah penjualan barangan yang berada dalam milik penjual. Dari sudut keharusan *bai' 'ain ghaibah* para ulamak tidak sepakat mengenai keharusannya. Perselihan pandangan ulamak dalam masalah *bai' 'ain ghaibah* mengungkapkan pandangan mereka mengenai wujudnya *khiyar al-ru'yah* atau tidak dalam akad jual-beli. Ulamak yang mengharuskan *khiyar al-ru'yah* secara tidak langsung mengharuskan *bai' 'ain ghaibah*. Pandangan yang rajih dari imam al-Syafi'e ialah *bai' 'ain ghaibah* tidak dibenarkan sama sekali walaupun spesifikasi barang telah dijelaskan⁸. Pandangan majoriti ulamak mazhab hanafi ialah *bai' 'ain ghaibah* adalah

⁶ <https://gobiz.co.id/pusat-pengetahuan/apa-itu-cod/>

⁷ Abu Zakaria Muhyiddin Yahya Ibn Sharaf al-Nawawi. Raudhat al-thalibin.1991. Al-maktab al-Islami, Beirut. m/s 3/488.

⁸ Abu Zakaria Muhyiddin Yahya Ibn Sharaf al-Nawawi. Minhaj al-tholibin.2005. Dar al-fikr. Cetakan pertama. m/s 95

<https://al-maktaba.org/book/12096/114>

harus jika penjual menunjukkan contoh barangan yang hendak dijual⁹. Pandangan mazhab maliki¹⁰. dan mazhab hambali¹¹ adalah harus dan penjual wajib menyebutkan sifat-sifat barang secara lengkap dan terperinci. Syarat-syarat yang ditetapkan dalam transaksi bai' ain ghabah oleh mazhab Hanafi adalah sangat ringan berbanding mazhab Maliki dan Hambli sebagaimana yang akan dibincangkan. Dalil pendapat ini adalah nas al-Quran yang menjelaskan bahwa hukum jual-beli pada dasarnya adalah harus berdasarkan firman Allah SWT (وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ).

DEFINISI KHIYAR AL-RU'YAH

Khiyar dari perspektif Islam merupakan manifestasi kejujuran, amanah, kebebasan berfikir, membuat pilihan dan keadilan dalam berdagang yang bersumberkan Al-Quran dan Hadis. Nilai-nilai keadilan, amanah, kebebasan dan kejujuran perlu diberi penerapan khususnya dalam perdagangan yang merupakan masalah utama yang harus diberi perhatian. Khiyar ialah pilihan. Khiyar dalam muamalat bermaksud hak untuk membuat pilihan mengesahkan sesuatu perjanjian jual beli atau membatalkannya. *Khiyar al-ru'yah* merupakan hak untuk membuat pilihan semasa pemerhatian (*al-ru'yah*). *Khiyar al-ru'yah* boleh diertikan secara asasnya sebagai suatu hak bagi seorang pembeli untuk mengesahkan/memberikan persetujuan meneruskan akad jual beli atau menolaknya/membatalkan akad setelah melihat subjek kontrak iaitu barang yang dipersetujui untuk dibeli. Pembeli mendapat hak *Khiyar al-ru'yah* ke atas pembelian barangan yang belum dilihatnya ketika berlangsung akad atau pembeli pernah melihatnya dalam tempoh waktu yang memungkinkan telah terjadinya perubahan ke atas barang tersebut. Selain itu juga *khiyar al-ru'yah* juga boleh berlaku apabila pembeli membeli barangan yang hanya diperlihatkan contohnya sahaja, atau hanya melihat sebahagiannya sahaja seperti barangan yang berada dalam bungkusan.

Majallah al-Ahkam al-Adliyyah yang mempunyai pengaruh fiqh Hanafi telah menjelaskan situasi khiyar. Seorang pembeli yang membeli suatu barang tanpa melihatnya, mempunyai pilihan/khiyar sehinggalah pembeli melihat barang tersebut. Pembeli mempunyai hak membatalkan atau menerima pembelian setelah melihat barang yang dibeli. Situasi ini dikenali sebagai pilihan semasa pemerhatian¹²

KITAB RADD AL-MUKHTAR

Kitab *rad al-mukhtar 'ala al-durr al-mukhtar* ialah kitab karangan Ibn 'Abidin, Muhammad Amīn ibn 'Umar ibn 'Abd al-'Azīz ibn Ahmad bin 'Abd ar-Rahīm ibn Najmuddīn ibn Muḥammad Ṣalāḥuddin al-Shāmī. Kitab *Radd al-Mukhtar* adalah kitab syarah kepada kitab *al-durr al-mukhtar* karangan 'Ala eddin al-Haskafi al-hanafi yang juga merupakan syarah kepada kitab *tanwir al-absar* karangan Syamsuddin al-Tumurtasyi al-Ghazzi al-Hanafi. Ibnu Abidin menjelaskan istilah-istilah yang digunapakai oleh al-Hashkafi dalam kitabnya, serta menjelaskan beberapa masalah

⁹ Muhammad Bin Ali Bin Muhammad al-Hisni 'ala Iddin al-Haskafi. *Al-dur al-mukhtar syarh tanwir al-absar*. 2002. dar al-kutub al-ilmiyyah, Beirut. m/s 4/595

¹⁰ Abu Muhammad Abdul Wahhab Bin Ali Bin Nasr al-Tha'labi al-Baghdadi al-Maliki. *Al-talqin fi al-fiqh al-maliki*. 2004. Dar al-kutub al-ilmiyyah Beirut.

¹¹ Abu Muhammad Muwaffiquddin Abdullah Bin Ahmad Bin Muhammad Bin Qudamah al-Maqdisi. *Al-Mughni*. 1968. Maktabah al-Qaherah. m/s 3/494.

¹² Article 320 of the *Mejelle*. Lih. j Salim Rustum Baz. 1986. *Sharh al-Majallah*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi. hlm. 170

yang musykil. Dalam kitab Radd al-Muhtar, Ibnu Abidin membawakan pendapat Ulama' Hanafiyah terdahulu dan ringkasan Ulama' zamannya. Selain menjelaskan kembali isi dari kitab al-Hashkafi, Ibnu Abidin juga menambahkan beberapa masalah baru yang belum dibahas oleh al-Hashkafi. Radd al-mukhtar sangat berpengaruh di kalangan ulama Mazhab Hanafi serta menjadi antara rujukan utama Madzhab Hanafi. Kitab ini juga merupakan kitab perbandingan antara Mazhab.

Khiyar Al-Ru'yah Dalam Kitab Radd Al-Mukhtar

Khiyar *al-ru'yah* berlaku dalam empat situasi.

1. Pembelian barangan
2. Akad ijarah
3. Pembahagian harta perkongsian yang terdiri dari pelbagai jenis dan tidak menyebabkan kerugian atau kerosakan apabila dibahagikan.
4. *al-sulh* iaitu persetujuan untuk menamatkan pertikaian harta secara sukarela

Khiyar al-rukyah dalam akad jual beli ialah jual beli *al-ayan* iaitu akad jual beli yang ditentukan '*ainnya*¹³. *Khiyar al-rukyah* tidak berlaku dalam penjualan barang yang berada dalam tanggungan penjual sebagai hutang seperti *bai'al-salam*. Oleh yang demikian dalam mazhab hanafi *khiyar al-ru'yah* tidak berlaku dalam akad jual beli *salam* dan akad *sarf*. Dalam mazhab hanafi penjualan dan pembelian barangan yang tidak pernah dilihat oleh penjual dan pembeli samada sebelum atau pada masa akad adalah sah.

Khiyar al-rukyah hanya berlaku ke atas penjualan dan pembelian barangan yang telah dikenalpasti (specified subject), yang tidak diperlihatkan kepada pembeli atau kedua mereka tidak pernah melihatnya atau barang tersebut berada di tempat lain semasa akad berlaku. Jual beli '*ain ghaibah* berlaku ke atas barangan yang berada dalam milik penjual namun pembeli tidak boleh melihatnya kerana barang tersebut berada di tempat lain atau berbungkus. *Al-ru'yah* sebagaimana yang diertikan dalam *durr al-mukhtar* ialah melihat yang membawa makna *al-ilm* iaitu pengetahuan atau maklumat mengenai barang. Maklumat mengenai barang bergantung kepada jenis barang samada perlu dihidu seperti minyak wangi. Sekiranya pembeli menghidu minyak wangi sebelum dibeli tanpa melihat minyak wangi tersebut maka gugurlah *khiyar al-ru'yah*¹⁴. Pembeli juga mendapat hak *khiyar al-ru'yah* dalam pembelian barangan yang hanya ditunjuki sahaja tanpa melihat sepenuhnya seperti barang yang berada dalam bungkusan. Mengunjuk atau menunjuk bererti mengisyaratkan الإشارة iaitu dengan menunjukkan kepada pembeli barang jualan yang ada dalam majlis akad namun tersembunyi dari penglihatan pembeli disebabkan berbungkus, berbalut dan sebagainya atau menunjukkan tempat di mana barang tersebut berada. Akad jual beli tidak sah sekiranya pembeli dan penjual tidak pernah melihat barang yang dijual. Begitu juga sekiranya tidak mengunjuk kepada pembeli ke arah barang atau tidak menyebutkan jenis barang. Terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan ulama mazhab hanafi mengenai syarat

¹³ tertentu (specified subject), iaitu yang telah dikenalpasti subjeknya bukan jual beli dalam zimmah atau tanggungan yang berbentuk hutang. Hutang atau zimmah الزمة ialah tanggungan/jaminan iaitu dalam tanggungan atau jaminan penjual untuk mendatangkan barang/objek transaksi yang belum wujud atau tidak berada dalam milik penjual sesuai kriteria yang disebutkan.

¹⁴ m/s 593

mengunjuk barang yang dijual yang tidak terlihat sepenuhnya oleh pembeli. Dalam kitab *al-mabsud*¹⁵ sebagaimana yang dinukilkan oleh Ibnu al-Humam¹⁶ dalam kitabnya *fath al-Qadir*, jual beli barang yang tidak terlihat sepenuhnya oleh pembeli adalah harus sekiranya penjual mengisyaratkan atau mengunjuk kepada barang yang dijual seperti tempat di mana barang tersebut berada. Sekiranya tidak dilakukan sedemikian maka jual beli tersebut tidak sah menurut ijma'. Namun menurut Ibnu Abidin, pernyataan dalam kitab *tanwir al-absar* menunjukkan bahawa jual beli sebegini tetap sah walaupun penjual tidak menyebutkan jenis barangan seperti kata penjual “aku jual kepada kamu barang yang berada dalam lengan bajuku ini” atau tidak menunjukkan kepada pembeli barang jualan yang ada dalam majlis akad yang tidak terlihat sepenuhnya disebabkan berbungkus, berbalut dan sebagainya atau tempat di mana barang tersebut berada. Kebanyakan ulamak mazhab hanafi berpandangan bahawa pernyataan dalam kitab *tanwir al-absar* secara *itlaq* menunjukkan bahawa jual beli sebegini adalah harus. Sebahagian ulamak bermazhab hanafi pula tidak mengharuskan jual beli sebegini kerana ada unsur jahalah (ketidakjelasan) kerana pembeli langsung tidak mempunyai maklumat mengenai barang yang dibelinya. Oleh yang demikian pandangan yang dipilih ialah sebagaimana pandangan al-Sarakhsi¹⁷ bahawa penjual perlu menamakan jenis barangan yang dijual¹⁸. Penulis kitab al-nihayah menjelaskan bahawa maklumat barang ialah menyebutkan jenis atau mengunjuk kepada barang atau tempat barang berada¹⁹.

Menurut Ibnu Abidin penjual perlu mengunjukkan kepada pembeli barang yang dijual yang tidak disebutkan nama dan sifat barang atau memadai dengan hanya menyebutkan jenis barang. Jika penjual berkata “aku jual kepada kamu sekarung gandum” sedangkan penjual hanya ada sejenis gandum sahaja dan di satu tempat sahaja maka jual beli sebegini adalah harus. Begitu juga jika penjual menisbahkan barang kepada dirinya seperti “aku jual kepada kamu hambaku” sedangkan penjual hanya ada seorang hamba sahaja²⁰. Menurut Ibnu Abidin akad jual beli barangan yang langsung tidak diketahui jenis kerana tidak ditunjukkan atau dijelaskan jenisnya adalah tidak sah. Mengunjukkan barang kepada pembeli bukanlah hanya semata-mata syarat sah, bahkan hanya terpakai pada ketika ketiadaan pengenalan lain mengenai barang yang dijual untuk mengelak unsur jahalah dalam akad²¹. Beliau menukikan pandangan al-Quduriy²² dari kitab al-‘Inayah²³ mengenai maksud penjualan barangan yang tidak diperlihatkan kepada pembeli semasa majlis akad. Menurut al-Quduriy penjualan barangan yang *ghaib* iaitu tiada semasa majlis akad berlaku adalah sah

¹⁵ Karangan Imam Muhammad b. Ahmad b. Abi Sahl Abu Bakr al-Sarakhsi al-Khazraji al-Ansari, gelaran beliau ialah Shams al-a'imma wafat 490H.

¹⁶ Al-Kamal ibn al-Humam, imam besar dalam fiqh hanafi berasal dari Kaherah Mesir wafat 861H.

¹⁷ Wafat 490H digelar Shams al-A'imma

¹⁸ m/s 693

¹⁹ Husain Bin Ali, al-nihayah fi syarh al-hidayah

²⁰ m/s 593

²¹ m/s 594

²² Abu al-Husain Ahmad Bin Muhammad Bin Ahmad Bin Ja'far Bin Hamdan wafat 428H.

²³ Kitab 'inayah karangan al-imam Muhammad bin Muhammad Bin Mahmud Akmal al-Din al-Babarti ialah syarah kepada kitab al-hidayah karangan Burhān al-Dīn Abu'l-Ḥasan 'Alī bin Abī Bakr bin 'Abd al-Jalīl al-Farghānī al-Marghīnānī

sekiranya ditunjukkan kepada pembeli tempat keberadaan barang serta disebutkan jenis barang yang dijual²⁴.

Kesimpulan yang boleh dibuat ialah jahalah atau ketidakjelasan mengenai barang jualan tidak semestinya menghalang keabsahan akad jual beli. Dalam mazhab hanafi akad jual beli tidak sah sekiranya ada unsur jahalah fahisyah. Jahalah fahisyah berlaku sekiranya penjual tidak menyebutkan jenis barang yang dijual serta ketidakjelasan harga jualan. Ketidakjelasan mengenai sifat-sifat barang yang dijual menurut mazhab hanafi bukanlah *jahalah fahisyah* yang membatalkan akad namun memberikan hak *khiyar al-rukyah* kepada pembeli. Pembeli mempunyai hak untuk memulangkan semula barang yang dibeli kepada penjual apabila pembeli telah melihatnya,

Jual beli sebegini adalah sah dengan syarat tiada unsur jahalah. Unsur jahalah dalam penjualan barang yang ghaib dapat dielakkan dengan mengunjukkan atau mengisytarkan kepada pembeli ke arah barang tersebut termasuklah menyebut jenis barang. Perletakkan syarat ini ialah untuk mengelakkan berlakunya penjualan barangan yang langsung tidak diketahui atau *majhul* samada tidak disebutkan jenis barangan atau tidak ditunjukkan tempat keberadaan barang. *Khiyar al-ru'yah* menghalang kesempurnaan hukum jual beli dan menyebabkan akad tergantung sehingga mendapat persetujuan dari pembeli setelah barang disampaikan dan dilihat oleh pembeli. Pembeli tetap mendapat pemilikan dan bebas melakukan apa sahaja tindakan terhadap barang tersebut seperti menjual atau menyewakannya dan tindakan sedemikian akan menyebabkan gugurnya hak khiyar dan wajib melunaskan harga. Dalam transaksi *bai' 'ain ghaibah* penjual tidak ada hak untuk menuntut pembayaran harga barang dari pembeli sehinggalah pembeli melihat barang tersebut.²⁵ Ini menunjukkan bahawa pembeli tidak diwajibkan untuk membuat apa-apa pembayaran kepada penjual sehinggalah barang tersebut sampai dan dilihat oleh pembeli. Syarat ini juga menunjukkan bahawa kelewatan penyerahan harga dalam transaksi *bai' a'ain ghaibah* adalah harus dan tidak termasuk dalam transaksi *bai' dayn bi al-dayn*.

RUMUSAN

1. Jual beli barang yang berada dalam milik penjual yang tidak ditunjukkan kepada pembeli adalah sah menurut mazhab hanafi.
2. Akad jual beli sah jika penjual hanya menyebutkan jenis barang tanpa menunjukkan barang kepada penjual.
3. Jual beli barang yang tidak diperlihatkan kepada pembeli adalah sah dengan syarat disebutkan jenis barang.
4. Pembeli boleh melunaskan harga pembelian pada ketika barang diserahkan kepadanya.
5. Jual beli barangan yang berada dalam milik penjual yang tertangguh penyerahan dan harga adalah harus dan tidak termasuk dalam larangan *bai' al-dayn bi al-dayn*.
6. Penangguhan barang dan harga dalam transaksi online secara COD bagi barangan yang sedia ada dalam milik penjual tidak termasuk dalam larangan *bai' dayn bi dayn*.

²⁴ m/s 694

²⁵ m/s 503

RUJUKAN

- Ibn 'Abidin, Muhammad Amīn ibn 'Umar ibn 'Abd al-'Azīz ibn Aḥmad bin 'Abd ar-Raḥīm ibn Najmuddīn ibn Muḥammad Ṣalāḥuddīn al-Shāmī. *rad al-mukhtar 'ala al-durr al-mukhtar* 1966. Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, Mesir
- Abu Zakaria Muhyiddin Yahya Ibn Sharaf al-Nawawi. Minhaj al-tholibin.2005. Dar al-fikr. Cetakan pertama. m/s 95 <https://al-maktaba.org/book/12096/114>
- Muhammad Bin Ali Bin Muhammad al-Hisni 'ala Iddin al-Haskafi. Al-dur al-mukhtar syarh tanwir al-absar.2002. dar al-kutub al-ilmiyyah, Beirut. m/s 4/595
- Abu Muhammad Abdul Wahhab Bin Ali Bin Nasr al-Tha'labi al-Baghdadi al-Maliki. Al-talqin fi al-fiqh al-maliki. 2004. Dar al-kutub al-ilmiyah Beirut.
- Abu Muhammad Muwaffiquddin Abdullah Bin Ahmad Bin Muhammad Bin Qudamah al-Maqdisi. Al-Mughni.1968. Maktabah al-Qaherah. m/s 3/494.
- Article 320 of the Mejjelle. Lih. j Salim Rustum Baz. 1986. Sharh al-Majallah. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi. hlm. 170
- Abu Zakaria Muhyiddin Yahya Ibn Sharaf al-Nawawi. Raudhat al-thalibin.1991. Al-maktab al-Islami, Beirut.
- Roshaimizam Suhaimi, Ismail Ahmad, Mohd Hapiz Mahaiyadin, Ezani Yaakub & Jasni Sulong. Akad Jual Beli dalam Talian Berasaskan Prinsip Fiqh Muamalat Contract of Sale and Purchase via Online from Fiqh Muamalat Principles, Journal of Contemporary Islamic Law, (2021) Vol. 6(2): 1-11 e-ISSN: 0127-788X URL: <http://www.ukm.my/jcil>
- Hasnah Mat, & Mazreha Ya'akub (2019). E-commerce: The Contribution to Malaysia's Economy. Retrieved from <https://kumparan.com/sitinurbasmah/cod-dalam-pandangan-islam-1wxcwFn5QQ7/4>
<https://www.tintasiyasi.com/2020/06/hukum-cod-cash-on-delivery.html>